

Kilang didenda RM30,000 kerana lakukan pencemaran

🕒 31 Julai 2025, 9:30am

14
Shares

f Share

X Tweet

📞 Share

✉ Email

MELAKA: Sebuah kilang pemerolehan kembali buangan terjadual, Malacha Sdn Bhd didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan gagal mematuhi syarat lesen Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka.

Pengarah JAS negeri, Rosli Mustafa berkata, tindakan penguatkuasaan dibuat hasil siasatan pihaknya di premis kilang berkenaan, antara 11 pagi hingga 12.40 tengah hari, 12 Disember 2024

Menurutnya, ia susulan dua aduan awam berkaitan pencemaran air dan bau tidak menyenangkan dari premis syarikat berkenaan terletak di Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, di sini.

Katanya, pertuduhan terhadap syarikat dibuat mengikut Seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, dibaca bersama Seksyen 16(1) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 16(2) akta sama.

"Hasil siasatan pegawai penguat kuasa JAS mendapati pelepasan efluen perindustrian di takat pelepasan akhir kilang terbabit gagal mematuhi had pelepasan yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

"Justeru, syarikat didakwa melanggar Syarat No 8.10 Lesen No 003262 yang menetapkan sebarang efluen dihasilkan mesti mematuhi peraturan berkaitan," katanya dalam kenyataan, malam tadi.

Rosli berkata, Seksyen 16(2) AKAS 1974 memperuntukkan denda minimum RM25,000 dan maksimum RM250,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

Katanya, dalam hujahan, pegawai pendakwa JAS menegaskan hukuman berat wajar dikenakan memandangkan aduan awam berulang diterima dan pencemaran yang berlaku memberi kesan kepada kesejahteraan penduduk sekitar.

"Hukuman denda diputuskan mahkamah ini diharap menjadi pengajaran kepada pihak industri untuk sentiasa mematuhi peraturan, selain bertindak sebagai pencegah kepada pelanggaran serupa pada masa akan datang.

"JAS menyeru orang awam terus memainkan peranan dalam melindungi alam sekitar dengan melaporkan sebarang aktiviti pencemaran melalui talian bebas tol 1-800-88-2727, e-mel aduan_k@doe.gov.my, atau portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>," katanya.